

# MMC-Gamuda latih pekerja profesional bina terowong MRT

**Konsortium** MMC Corporation Bhd dan Gamuda Bhd (MMC-Gamuda) yang memenangi bidaan bagi melaksanakan pembinaan terowong bawah tanah My Rapid Transit (MRT) laluan Sungai Buloh-Kajang, akan melatih kira-kira 1,000 pekerja profesional dan berkemahiran untuk diserapkan ke dalam projek itu.

Latihan berkenaan akan dikendalikan oleh Tunnelling Training Academy (TTA) yang ditubuhkan hasil inisiatif kedua-dua syarikat itu.

Pengarah Projek MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd, Satpal Sati Bhogal, berkata pihaknya menjangkakan memerlukan sehingga 1,800 pekerja yang berkemahiran untuk mengendalikan mesin pengorek terowong (TBM) apabila pembinaan terowong MRT itu bermula antara Mei atau Jun tahun depan.

## Pekerja berpengalaman

Namun, katanya, syarikat itu kini hanya memiliki sekitar 400 pekerja berpengalaman yang kebanyakannya pernah terbabit dengan pembangunan Terowong Pengurusan Air Banjir dan Lalu Lintas (Smart) dulu.

“Memang kami mempunyai jumlah pekerja berkemahiran



MMC-Gamuda memberi **latihan kemahiran** kepada pekerja terowong bawah tanah MRT laluan Sungai Buloh-Kajang.

[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]

mencukupi, tetapi kali ini kami menetapkan untuk tidak mengimport pekerja asing kerana mahu melatih kepakaran tempatan. Kami akan memenuhi keperluan ini dengan me-

latih lebih ramai pekerja berkemahiran tempatan menerusi inisiatif TTA.

“Langkah ini juga adalah persediaan bagi kami untuk meneroka projek lebih besar

di luar negara,” katanya selepas lawatan tapak TBM dan taklimat TTA di Kota Kemuning, semalam.

TTA yang dibangunkan dengan pelaburan RM10 juta pada Disember tahun lalu, menawarkan tiga program latihan iaitu latihan kemahiran, latihan teknikal dan latihan kepakaran.

## Laluan sejauh 51 kilometer

Projek MRT laluan Sungai Buloh-Kajang yang juga projek infrastruktur terbesar negara, mempunyai skim jajaran laluan sejauh 51 kilometer dengan 9.5 kilometer daripadanya membolehkan pembangunan terowong laluan bawah tanah untuk tempoh dua tahun.

MMC-Gamuda memenangi bidaan pakej terowong itu kerana harga yang ditawarkan adalah paling kompetitif iaitu RM8.2 bilion. Ia membolehkan kerja reka bentuk dan membina terowong MRT selain pembinaan tujuh stesen bawah tanahnya.

Sementara itu, Sati Bhogal berkata, syarikatnya menyasarkan permintaan pekerjaan kepakaran terowong akan terus meningkat sejajar dengan pertumbuhan pembangunan infrastruktur yang rancak di negara membangun dan ekonomi baru muncul.

Maka, katanya, terdapat keperluan untuk terus melatih kepakaran kejuruteraan terowong tempatan walaupun selepas kerja projek MRT itu siap.